

# **RANCANGAN PERNIAGAAN**

**ASAS KEUSHAWANAN  
ETR 300**

**WATCHERZ ENTERPRISE  
PENGEDAR JAM TANGAN KELUI**

**DISEDIAKAN UNTUK:**

**EN. KAHAIRUL ANWAR SUBARI**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**ARIF B. MOKHTAR**

**96451570**

**RAHEMY ABD. RAHIM**

**96621429**

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA**

## **ISI KANDUNGAN**

### **PERKARA**

### **MUKA SURAT**

RAKAN KONGSI

SURAT PENGESAHAN

SURAT PENYERAHAN

i

PENGHARGAAN

iii

LOGO

iv

ISI KANDUNGAN

vi

SURAT IKATAN PERJANJIAN

vii

PENGENALAN

1

TUJUAN PERNIAGAAN

4

LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

5

LATAR BELAKANG RAKAN KONGSI

6

RANCANGAN PENTADBIRAN

8

RANCANGAN PEMASARAN

23

RANCANGAN OPERASI

42

RANCANGAN KEWANGAN

55

RUMUSAN

77

LAMPIRAN

## **PENGENALAN**

Perniagaan yang diceburi oleh WATCHERZ ENTERPRISE ialah sejenis perniagaan perkongsian yang dianggotai oleh 2 orang rakan kongsi.

Lokasi perniagaan ini terletak di :

No. 78 A/B, Jalan Assumption,  
Bagan Luar, 03900 Butterworth,  
Pulau Pinang.

Mengikut perancangan, perniagaan ini akan dimulakan pada 1 hb Julai, 2000.

Tren pasaran yang menjustifikasikan perniagaan ini kerana ianya kurang diceburi oleh peribumi Malaysia. Selain itu terdapat beberapa perkara yang menjadi penyokong kepada ini :

- i. Terdapat banyak networking yang boleh membantu.
- ii. Kurang saingen daripada pihak pesaing di lokasi pilihan.
- iii. Terdapat banyak permintaan terhadap perkhidmatan ini.

## **LATAR BELAKANG PROJEK CADANGAN**

### **LOKASI KEDAI**

Kami telah bersepakat memilih lokasi ini untuk syarikat kami memandangkan iaanya mempunyai potensi untuk industri pengedaran/perkhidmatan. Justeru itu, ia dapat di lihat dari beberapa aspek iaitu:

#### **Kemudahan Infrastruktur**

Oleh kerana kawasan dimana syarikat kami beroperasi adalah kawasan perusahaan, maka dengan itu kemudahan infrastruktur telah disediakan dengan lengkap seperti air, elektrik, telefon dan jalan raya.

#### **Tenaga Kerja**

Syarikat tidak mempunyai masalah dalam pengambilan tenaga kerja kerana penduduk tempatan yang ramai disekitarnya serta dengan adanya jalan perhubungan yang baik, memudahkan pekerja untuk berulang-alik dari rumah ke tempat kerja.

#### **Pesaingan**

WATCHERZ ENTERPRISE merupakan satu pengedar tunggal yang menjual jam tangan kelui bagi penduduk Malaysia. Adapun pesaing-pesaing tidak menjual barangan seperti syarikat ini. Kebanyakan pesaing menjual barangan yang hampir terdekat/alternatif kepada barangan syarikat ini

Lokasi yang dicadangkan terletak di:-

78 A/B, Jalan Assumption,

Bagan Luar, Butterworth,

03900 Pulau Pinang.

### Bangunan

Jenis : Bangunan 2 tingkat  
Struktur : Simen, konkrit dan besi  
Keluasan : 240 kaki persegi  
Sewa Bulanan : RM 3,000 sebulan (bagi 2 tingkat)

### Kemudahan Asas

Kemudahan kemudahan yang terdapat di lokasi ini ialah bekalan air, elektrik dan talian telfon dan semuanya ialah tanggungan sendiri. Kami telah membuat permohonan kepada Tenaga Nasional Bhd. Seberang Prai, Syarikat Telekom Malaysia dan Jabatan Kerja Raya untuk mendapat kemudahan ini. Lokasi ini adalah strategik dengan adanya jalan perhubungan yang baik untuk membuat penghantaran ke pelanggan kami.